

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN
ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 23.5.2016
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah bentuk kerjasama ketenteraan antara pihak Angkatan Tentera Malaysia dengan tentera Filipina bagi menyelesaikan dan membendung kes-kes penculikan membabitkan pegganas-peggnas rakyat Filipina yang masih berlaku ketika ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bentuk kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Tentera Filipina bagi menyelesaikan dan membendung kes-kes penculikan membabitkan pengganas-pengganas rakyat Filipina pada masa kini lebih berbentuk kepada pertukaran maklumat dan perisikan di antara kedua-dua negara. Antara inisiatif pertukaran maklumat dan perisikan yang sedang dan telah dilaksanakan di antara pihak ATM dan *Armed Forces of the Philippines* (AFP) adalah melalui pelaksanaan forum *Intelligence Exchange* (INTELEX) bagi membolehkan agensi perisikan tentera kedua-dua negara bertukar-tukar maklumat dan pandangan dalam isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama.

ATM melalui Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) telah mewujudkan jalinan kerjasama dengan pihak *Intelligence Service of the Armed Forces of the Philippines* (ISAFP) dan pihak *Western Mindanao Command Armed Forces of the Philippines* (WESMINCOM) bagi penyaluran maklumat secara langsung pada sebilang masa berkaitan dengan aspek keselamatan di Selatan Filipina dan Pantai Timur Sabah. Di samping itu, perkongsian dan pertukaran maklumat perisikan turut dilaksanakan melalui forum-forum kerjasama pelbagai hala (*multilateral*) seperti berikut:

- a. ***ASEAN Militaries Analyst-To-Analyst Intelligence Exchange*** (AMAAIE) yang melibatkan penyertaan pegawai-pegawai analisis peringkat pertengahan dari organisasi perisikan tentera negara-negara ASEAN;
- b. ***ASEAN Military Intelligence Informal Meeting*** (AMIIM) yang melibatkan semua agensi perisikan tentera negara-negara ASEAN; dan
- c. ***Asia Pacific Intelligence Chief Conference*** (APICC) yang melibatkan pelbagai negara (termasuk negara-negara ASEAN) anjuran bersama dengan *United States Pacific Command* (USPACOM).

Pihak ATM juga sedang berusaha melaksanakan rondaan bersama negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Brunei di kawasan yang dikenal pasti bagi membendung dan sekali gus menghapuskan kes-kes penculikan yang berlaku di kawasan berkenaan. Namun ia masih di tahap perbincangan dan perancangan awalan sedang dilaksanakan untuk merealisasikan usaha ini.